

## **AKTIVITI PENGANTARABANGSAAN 2020**

Tahun 2020 merupakan tahun yang paling mencabar dengan kehadiran Pandemik COVID 19. Ia telah menjejaskan pelbagai aktiviti merentas sempadan antarabangsa. Politeknik Melaka telah melibatkan diri dalam 11 program yang melibatkan pengantarabangsaan yang merangkumi pembentangan, penandaarasan, pertandingan perbincangan dan lain-lain. Aktiviti Pengantarabangsaan yang utama yang telah dilaksanakan pada 2020 adalah PMICC dan International Virtual Aerobics.

Politeknik Malaysia International Chess Carnival 2020 (PMICC 2020) anjuran bersama Politeknik Melaka dan Majlis Sukan Politeknik telah berlangsung dengan jayanya pada 7 hingga 8 Mac 2020 yang lalu bertempat di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CReATE) Alor Gajah Melaka. Kejohanan yang berlangsung selama dua hari berturut-turut itu telah mendapat penyertaan seramai 498 orang secara keseluruhan yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan negara. Antara penyertaan yang diterima adalah dari Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Palestin, Gaza dan Syria. Terdapat beberapa kategori yang telah dipertandingkan iaitu Kategori FRC, Kategori U12, Kategori U18, Kategori Terbuka dan Kategori Politeknik. Penyertaan Kategori Politeknik adalah amat memberangsangkan kerana telah mendapat penyertaan melebihi 15 buah Politeknik seluruh Malaysia yang menyertainya bagi acara individu. Acara perasmian penutupan PMICC 2020 dan penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh YBhg. Ts. Hj. Muhamad Rumzi Bin Mamat, Pengarah Bahagian Perancangan Program dan Institusi, JPPKK merangkap Yang Dipertua Majlis Sukan Politeknik. Program PMICC ini merupakan aktiviti 'face to face' terakhir sebelum Pandemik COVID 19.

Program International Virtual Aerobic telah dilaksanakan pada 23 Oktober 2020 untuk julung kali secara virtual akibat Pandemik Covid -19 yang telah menghadkan aktiviti pengantarabangsaan merentasi sempadan. Program ini merupakan program anjuran Unit Pengantarabangsaan & Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan, dengan kerjasama Unit Pembangunan Instruksional dan multimedia serta Unit Teknologi Maklumat. PMK telah berjaya mendapatkan penglibatan daripada rakan kolaborasi rapat daripada Indonesia iaitu Politeknik Negeri Sriwijaya, Politeknik Negeri Bengkalis, Politeknik Negeri Medan, Politeknik Negeri Bandung, Politeknik Negeri Bali dan Politeknik Negeri Jakarta. Aktiviti senamrobik secara Virtual ini merupakan naratif baharu yang lebih bermakna dan lestari dalam memastikan aktiviti Pengantarabangsaan Politeknik Melaka dapat dilaksanakan meskipun wujudnya limitasi kesan sepanjang situasi COVID - 19 ini. Google meet dengan jelasnya, bukan hanya boleh digunakan untuk process pengajaran dan pembelajaran, malah boleh dieksploitasi untuk program-program lain. Seramai 171 staf dan pelajar daripada Politeknik Melaka dan 6 Politeknik dari Indonesia telah berdaftar dan mengikuti program ini dan akan dianugerahkan sijil penglibatan 'e-certificate'. Mengikut pengurus projek, Cik Nurul Safwanah Bt Muhammad Saleh, tujuan utama penganjuran Program Virtual Aerobics ini adalah untuk memupuk dan menanam semangat mengutamakan senaman dan kesihatan dengan mempraktikkan gaya hidup sihat dan cergas melalui senamrobik khasnya ketika dunia dilanda pandemik Covid 19. Program seperti ini, bukan sahaja mampu meningkatkan kecergasan,

malah dapat memperkembangkan sahsiah diri melalui interaksi yang sihat di dalam kegiatan jasmani dan sukan seperti semangat kesukanan, kerjasama, toleransi kepimpinan dan disiplin.

Selain daripada itu, program ini antara lain, bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan sosial dan sillaturrahim dengan Politeknik dari Indonesia yang sering berkolaborasi bersama Politeknik Melaka dalam melaksanakan aktiviti. Meskipun kesan daripada Pandemik Covid-19 ini menghadkan aktiviti pengantarabangsaan dilaksanakan di negara luar, namun ia tidak mematahkan kita untuk memikir luar kotak. Walaupun, kita tidak dapat berkumpul beramai-ramai secara fizikal di sini, tetapi kita masih dapat berkumpul secara maya melalui penggunaan platform Google Meet bagi menjayakan Program Virtual Aerobic ini. Pelaksanaan program sebegini bukan sahaja dapat memupuk semangat cintakan kecergasan dan kesihatan malah dapat terus mengekalkan hubungan kolaborasi yang sering terjalin seperti sebelum ini. Adalah diharapkan program sebegini akan dilaksanakan lagi pada masa hadapan walaupun selepas sempadan dibuka kerana ia boleh memenuhi KPI dan objektif program dengan penggunaan bajet yang sangat minima.

Pada 21hb Februari sebelum bermulanya Pandemik Covid 2020, PMK sempat mengadakan Program Inbound iaitu Edutourism Lawatan Sambil Belajar (POLMED) Melaka Trail untuk 28 orang pelajar dan 8 orang pensyarah POLMED. Program Edutourism ini berlangsung dari 19-23 Februari dengan penglibatan bersama PNS, PMK, PUO dan PTSB . POLMED telah memilih untuk singgah di Melaka bagi program Bahasa Inggeris serta sesi pelancongan. 5 fasilitator Kelab Bahasa Inggeris(ELS) PMK telah menguruskan program pengukuhan Bahasa Inggeris atas permintaan mereka.

**Impak daripada program-program yang di jalankan adalah :**

- Memberi peluang kepada pensyarah untuk berkongsi pengalaman melalui pembentangan dan perkongsian ilmu.
- Mempromosi TVET Malaysia khususnya Politeknik Malaysia di peringkat ASEAN
- Meningkatkan jaringan dan kerjasama antarabangsa antara Indonesia dan Politeknik Malaysia
- Memberi pendedahan kepada pelajar PMK untuk meningkatkan komunikasi dan kemahiran generik

PENGLIBATAN PERINGKAT ANTARABANGSA 2020

<b>STATUS PERLAKSANAAN AKTIVITI Jan- Dis 2020</b>						
Tempoh: Januari – Disember 2020						
BIL	NEGARA & TEMPAT	NAMA PROGRAM	TARIKH	Penglibatan Staf	Penglibatan Pelajar Pmk	Bil Peserta Antarabangsa
1	PMK, Melaka	Lawatan Kolaborasi & Tandatangani AMM Narotama University, Surabaya , Universitas National (UNAS Jakarta), Sekolah Tinggi Agama Islam (Darud Da’wah Wal Irsyad)(STAI DDI) Sidrap, Sulawesi	22 Januari 2020	9	-	8
2	PMK, Melaka	Lawatan Sambil Belajar (POLBENG)	16 Januari 2020	5	3	12
3	PMK, Melaka	Perbincangan Pra CSR Medan (POLMED)	31 Januari 2020	3	-	2
4	Bangkok, Thailand	Bangkok International Trade & Exhibition Centre (BITEC)	2-6 Feb 2020	4	0	-
5	PMK, Melaka	Program Edutourism Lawatan Sambil Belajar (POLMED) Melaka Trail	21 Februari 2020	1	5	36
6	Melaka, Malaysia	Politeknik Malaysia International Chess Carnival(PMICC2020)	7-8 Mac 2020	1	3	10
7	Online	SEAMEO SEATVET Lecture Series (Anjuran SEAMEO)	31 July 2020	12	-	-
8	Online	Mesyuarat Kerjasama dalam Pandemic	28 Sept 2020	10	-	9
9	Online	MIA Career Talk (Anjuran JPA)	14 Oct 2020	12	72	8
10	Online	Virtual Aerobics	23 Oct 2020	37	0	141
11	Online	Pertandingan 13CE 2/2020	10 Nov	88	-	15
12	Online	Penulisan Travelogue Pelajar			25(alumni)	8
	<b>JUMLAH</b>			<b>182</b>	<b>83</b>	<b>251</b>

Lawatan Kolaborasi & Tandatangan AMM - Narotama University, Surabaya , Universitas Nasional (UNAS Jakarta), Sekolah Tinggi Agama Islam (Darud Da'wah Wal Irsyad)(STAI DDI) Sidrap, Sulawesi



Lawatan Sambil Belajar (POLBENG)



Perbincangan Pra CSR Medan (POLMED)



Bangkok International Trade & Exhibition Centre (BITEC)






## Program Edutourism Lawatan Sambil Belajar (POLMED) Melaka Trail



## Politeknik Malaysia International Chess Carnival(PMICC2020)




## SEAMEO SEATVET Lecture Series (Anjuran SEAMEO)




## Mesyuarat Kerjasama dalam Pandemic



## MIA Career Talk (Anjuran JPA)



## Virtual Aerobics



## Pertandingan 13CE 2/2020



## International Travelogue Student

